

26/06/1998

Strategi IMF rosakkan negara

KUALA LUMPUR, Khamis - Strategi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mengenai kadar faedah yang diterima pakai oleh Malaysia merosakkan ekonomi negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pada awalnya strategi IMF itu difikirkan sebagai amat baik dan kerajaan menerima pakainya tetapi kemudian ia didapati merosakkan ekonomi Malaysia.

"Untuk berpatah balik adalah amat sukar kerana kita terpaksa mencari jalan bagaimana menguruskan ekonomi selepas ia dirosakkan dengan memendekkan tempoh pinjaman tidak berbayar, kekangan kredit dan kenaikan kadar faedah.

"Perkara-perkara ini telah merosakkan banyak syarikat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran IKS '98 anjuran Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), di sini hari ini.

Ditanya sama ada kadar faedah akan turun ke paras yang boleh diterima ekoran pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Kami sedang berusaha caranya tetapi kadar faedah kita dipengaruhi oleh kadar faedah pinjaman ringgit. Ada kecenderungan bagi ringgit kita keluar dari negara ini.

"Ini menghalang bank-bank daripada mendapat dana dan ia amat merugikan kita," katanya.

Daim sebelum ini mencadangkan kadar faedah lebih rendah untuk memulihkan ekonomi negara.

Ketika berucap dalam mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu akhir bulan lalu, beliau berkata dasar kewangan terlalu ketat akan menghasilkan kesan berlawanan kepada ekonomi yang tidak dijangka.

(END)